


Media Title : Kosmo
Headline : Simpanan RM259,000 lesap lepas jawab panggilan
Date : 26 November 2023
Section : Negara!
Page : 15



Simpanan RM259,000 lesap lepas jawab panggilan

KOTA BHARU – Seorang guru berputih mata apabila wang simpanannya termasuk dalam akaun Tabung Haji (TH) berjumlah RM259,000 lesap akibat terperdaya dengan sindiket *phone scam* yang menyamar sebagai pegawai polis pada bulan lepas.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd. Rosdi Daud berkata, mangsa mendakwa dia telah dihubungi oleh seorang individu kononnya pegawai daripada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) pada 26 Oktober lalu.

Menurut beliau, seorang pegawai daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di Ipoh kemudian memaklumkan mangsa telah terbabit dalam kes pengubahan wang haram.

“Mangsa kemudian diminta oleh pegawai penyiasat tersebut untuk memindahkan kesemua wang miliknya ke dalam dua akaun yang telah diberikan.

“Disebabkan terlalu percaya dan ketakutan, mangsa telah memindahkan kesemua wang miliknya ke dua akaun bank yang didakwa milik juru-audit Bank Negara untuk tujuan audit forensik,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Mohd. Rosdi memberitahu, mangsa melakukan sebanyak 10 transaksi daripada wang simpanan termasuk akaun Tabung Haji yang berjumlah RM259,000 bermula pada 30 Oktober sehingga 8 November lalu.

Mangsa kemudian menyedari dia telah ditipu selepas wang yang dipindahkan itu tidak dikembalikan seperti yang dijanjikan.

Mangsa membuat laporan polis kelmarin.

“Polis menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan sedikit penipuan dalam talian dengan modus operandi seperti ini bagi mengelak ramai yang menjadi mangsa,” ujarnya.